

28 DISEMBER 2017

## Terlepas tali gantung

>> Lima saksi **pembelaan** dan tujuh saksi **pendakwaan** dikemukakan sepanjang **perbicaraan**

28-12-2017 **setempat 57**

**HARIAN METRO**

# Terlepas tali gantung

### Warga Australia bebas tuduhan edar dadah methamphetamine di KLIA



**Fuad Hadinata Yaacob**  
hadinata@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**"S**aya gembira." Itu luahan hati seorang wanita warga Australia yang dilepas dan dibebaskan daripada tuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 1.5 kilogram (kg) pada 2014 oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Maria Elvira Pinto Exposto, 54, didapati tidak bersalah atas tuduhan berkenaan, sekali gus terlepas daripada hukuman gantung.

Sejurus keputusan itu dibacakan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ghazali Cha, ibu kepada empat anak itu tersenyum.

Pada 19 Disember 2014, wanita itu didakwa di Mah-

kamah Sesyen Sepang atas tuduhan mengedar methamphetamine terbabit.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1 (CPP1), Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang, kira-kira jam 3.40 petang, 7 Disember 2014.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati.

Ghazali membuat keputusan itu selepas berpuas hati dengan pembelaan wanita itu, antaranya tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang ditemui dalam beg dibawanya.

Tertuduh transit di KLIA pada jam 4 petang, 7 Disember 2014 dari Shanghai, China untuk ke Melbourne, Australia.

Ketika di Shanghai, tertuduh menemui seorang lelaki dikenali Tega Collins yang menyerahkan sebuah beg mengandungi pakaian baru.

Wanita itu ke Shanghai kerana mahu menemui teman lelakinya yang dikenali melalui Internet sejak 2012.

Lelaki itu dikenali sebagai Kapten Danial Smith, didakwa berkhidmat dengan tentera Amerika Syarikat dan bertugas di Kabul, Afghanistan.

Selain pakaian, beg itu juga didakwa mengandungi dokumen berkaitan persaraan Danial Smith.

Bagaimanapun, ketika melalui pemeriksaan di KLIA, pihak berkuasa mengesan dadah dalam beg berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Nadiah Isa dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) manakala tertuduh diwakili lima peguam bela diketuai Tan Sri Muhammad Shafae Abdullah.

Sepanjang perbicaraan, lima saksi pembelaan dan tujuh saksi pendakwaan dikemukakan.

Sebelum ini, Maria Elvira berkhidmat dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Timor Leste.

**FAKTA**  
Elvira ke Shanghai kerana mahu menemui teman lelakinya

ELVIRA